

Cubaan lelaki seludup petrol RON95 gagal

TANAH MERAH - Cubaan seorang lelaki menyeludup bahan api menggunakan sebuah kenderaan gagal apabila perbuatannya itu dikesan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam satu serbuan di sebuah stesen minyak di kawasan Kampung Chedok di sini semalam.

Ketua Pegawai Penguatan kuasa Daerah KPDNHEP Cawangan Tanah Merah, Ahmad Azizi Abdul Kadir berkata, hasil pemantauan yang dijalankan semasa serbuan, sebuah kenderaan sedang membuat pengisian di pam di stesen minyak tersebut dalam keadaan meragukan.

"Bagaimanapun, suspek menyedari kehadiran anggota penguatan kuasa dan telah bertindak melarikan diri. Hasil pemeriksaan, suspek telah membuat pengisian bahan bakar berupa minyak petrol RON95 sebanyak 365 liter dan terdapat tangki yang diubahsuai pada kenderaan tersebut.

"Suspek yang berusia 26 tahun itu dipercayai merupakan warganegara Malaysia berikutkan dokumen pengenalan diri ditinggalkan di tempat kejadian," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Cubaan lelaki seludup minyak RON 95 gagal

SITI FATIHAH AWANG | 7 Mac 2020



Antara bahagian yang diubahsuai dalam kenderaan tersebut

TANAH MERAH - Cubaan seorang lelaki menyeludup bahan api menggunakan sebuah kenderaan gagal apabila perbuatannya itu dikesan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam satu serbuan di sebuah stesen minyak di kawasan Kampung Chedok, di sini, hari ini.

Ketua Pegawai Penguat kuasa Daerah KPDNHEP Cawangan Tanah Merah, Ahmad Azizi Abdul Kadir berkata, hasil pemantauan yang dijalankan semasa serbuan, sebuah kenderaan sedang membuat pengisian di pam di stesen tersebut dalam keadaan meragukan.

"Bagaimanapun suspek menyedari kehadiran anggota penguat kuasa dan telah bertindak melarikan diri. Hasil daripada pemeriksaan, suspek telah membuat pengisian bahan bakar berupa minyak petrol RON 95 sebanyak 365 liter dan terdapat tangki yang diubahsuai pada bahagian hadapan dan belakang penumpang serta di bahagian boot belakang kenderaan tersebut."

"Suspek yang berusia 26 tahun itu dipercayai merupakan warganegara Malaysia berikutkan dokumen pengenalan diri ditinggalkan di tempat kejadian," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, pemilik stesen minyak juga telah diambil keterangan dan disyaki melakukan kesalahan kerana melanggar arahan Pengawal Bekalan Malaysia.

Operasi yang dijalankan sekitar jam 11 pagi itu diketuai oleh Penolong Pegawai Penguin kuasa, Mohd Hazuha Md Yusoff bersama lima orang pegawai.

Untuk rekod, kes penyeludupan bahan api di sempadan yang melibatkan kenderaan dan stesen minyak sehingga Mac 2020 adalah sebanyak enam kes.

